

TEKS UCAPAN
Y. BHG. BRIG. JEN DATUK PROF. DR KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH KEJOHANAN SUKAN
SUKSIS ZON UTARA (SUTRA)
DI KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB PUTRA,
UniMAP, PAUH PUTRA PADA 19 APRIL 2014

SALUTASI

Yang Dihormati, SAC Zull Aznam Bin Haron, Ketua Polis Perlis,

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP Merangkap Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) UniMAP,
Komandan-komandan Kor SUKSIS IPTA,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Pegawai-pegawai Kehormat Kor SUKSIS

Jurulatih-jurulatih Kor SUKSIS seterusnya Anggota Kor SUKSIS sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan kasih sayang yang diberikan sehingga kita dapat bersama-sama pada petang ini dalam majlis **Penutup Dan Penyampaian Hadiah Kejuhanan Sukan Suksis Zon Utara (SUTRA).**

2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua Komandan Kor SUKSIS IPTA Zon Utara, pegawai-pegawai kehormat serta anak-anak pelajar anggota Kor SUKSIS ke kampus Universiti Malaysia Perlis di Pauh Putra ini. Saya difahamkan sebanyak **650 anggota dan pegawai** dari lima IPTA terlibat dalam penganjuran kejohanan sukan ini, antaranya Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan UniMAP sendiri.
3. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada jawatankuasa yang terlibat dalam penganjuran kejohanan ini. Sesungguhnya dengan kerjasama dan komitmen yang jitu kejohanan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Hadirin anak-anak pelajar sekalian,

KEJOHANAN SUKAN SUKSIS ZON UTARA (SUTRA)

1. Saya dimaklumkan SUTRA adalah sukan yang dianjurkan secara bergilir mengikut IPTA di Zon Utara pada setiap tahun bermula dari tahun 2010. Lima IPTA yang saya sebutkan tadi adalah merupakan pelopor kepada penganjuran kejohanan ini. Bagi penganjuran SUTRA pada kali ini, sebanyak lapan acara telah dipertandingkan. Lapan acara tersebut adalah bola sepak lelaki, badminton, bola baling, bola jaring, bola tampar, futsal, sepak takraw dan satu acara yang baru diperkenalkan pada kali ini iaitu IRONMAN dan IRONWOMAN.
2. Secara peribadi saya melihat penganjuran program sebegini adalah platform terbaik dalam melahirkan modal insan kamil dimana mereka ini bukan sahaja baik dari segi akademik malah cemerlang dalam aspek kokurikulum dan sukan.

3. Kejohanan seperti ini merupakan medium dimana seluruh anggota SUKISIS IPTA zon utara dapat berhimpun untuk melahirkan satu suara, yakni semangat kesukanan yang tinggi dan secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi komunikasi serta kerjasama yang jitu dikalangan anggota dan pentadbiran Kor SUKISIS IPTA zon utara ini.
4. Jika dilihat, dalam penganjuran sukan ini, kita sebenarnya sedang menerapkan budaya satu Malaysia dalam diri anak muda kita iaitu mahasiswa. Hal ini kerana, mereka yang datang dari pelbagai lapisan bangsa dan agama, bergabung dan bekerjasama bagi memastikan kemenangan menjadi milik mereka. Kita mahu mereka dapat menjalinkan hubungan yang erat antara satu sama lain kerana dari situ, semangat setiakawan dan semangat berpasukan dapat dipupuk melalui aktiviti bersukan.
5. Malah kita juga mahu mewujudkan dan melahirkan mahasiswa yang bergerak aktif, sihat, cergas, dinamik dan berwibawa serta berdaya saing yang dapat menyumbang ke arah kemajuan negara.
6. Saya percaya jika anak-anak pelajar sekalian banyak terdedah dengan aktiviti sebegini, ia bukan sahaja meningkatkan kecergasan diri malahan mampu menonjolkan diri anak-anak dalam aspek kepimpinan dan sentiasa bersedia untuk berdepan dengan pelbagai cabaran hidup dimasa hadapan.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada petang ini saya ingin merakamkan jutaan tahniah kepada pasukan yang berjaya meraih kejayaan pada kejohanan ini.

8. Kepada yang tidak berjaya jangan bersedih sebaliknya teruskan usaha untuk mencapai kejayaan pada SUTRA tahun hadapan. Insyaallah.

Dengan Lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan penutupan **Kejohanan Sukan Suksis Zon Utara (SUTRA) 2014.**